

31 JUL 2004

LID-Penutup/I

ABDULLAH AKAN SOKONG PERKONGSIAN PINTAR DENGAN CARA SENDIRI

Oleh: Umi Hani Sharani & Rosyatimah Tukimin

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi yang melahirkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun

Dr Mahathir Mohamad kerana memulakan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)

berkata beliau akan menyokong konsep perkongsian pintar dengan cara sendiri.

Pada awal ucapannya di majlis penutup malam ini, beliau berkata ramai

daripada rakan dialog yang telah biasa dengan cara Dr Mahathir dan beliau

tidak tahu sama ada mereka akan biasa dengan caranya (Abdullah).

Beliau mengimbas kembali peristiwa di mana beliau ditanya tidak lama

selepas mengambilalih jawatan mengenai "bagaimana rasanya mengambil alih

jawatan Perdana Menteri.

Abdullah berkata beliau diingatkan "tanggungjawabnya adalah besar". (They are big shoes."

Beliau berkata, "Saya berfikir sejenak dan memberitahunya yang saya

tidak akan mengikut rentaknya. Saya akan ikut rentak saya sendiri dan

melakukannya dengan cara yang saya senangi." (I thought for a while and

told him that I would not wear his shoes. I will wear my shoes and wear my

shoes comfortably.)

Kira-kira 300 ketua dan peserta dari 33 negara menghadiri majlis makan

malam itu termasuk King Mswati III dari Swaziland, penaung Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 2003.

LID tahun ini menampilkan acara baru termasuk pameran perniagaan,

pelaburan dan perdagangan serta sesi padanan perniagaan yang bertujuan

menggalakkan usaha sama perniagaan dan perangkaian antara syarikat Malaysia

dan Afrika.

Abdullah berterima kasih kepada semua rakan dialog termasuk semua ketua

negara dan kerajaan kerana menyediakan input dan idea berharga bagi memastikan kejayaan LID edisi ketujuh.

Pada awalnya beliau agak sangsi sama ada LID tahun ini akan berjaya

tetapi "mereka di sekeliling saya menyumbang banyak idea yang amat saya
harga".

Beliau berharap semua ketua-ketua kerajaan dan peserta akan
berkumpul
lagi pada tahun depan di Lesotho untuk menggerakkan Perkongsian
Pintar.

LID, yang bermula pada 1995, telah mengadakan dialog yang sama
di
selatan dan timur Afrika di Caribbean. -- BERNAMA

RT UHS SHY NHD ZK